

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**  
**DEWAN RAKYAT MALAYSIA**  
**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA**

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **DATUK SERI PANGLIMA WILFRED**  
**MADIUS TANGAU**  
**KAWASAN** : **TUARAN**  
**TARIKH** : **18 JULAI 2019**

**SOALAN NO 139**

**DATUK SERI PANGLIMA WILFRED MADIUS TANGAU [TUARAN]** minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** bagaimana Sabah dapat mencapai sumbangan industri kepada GDP daripada 7.2% pada masa ini kepada 35% menjelang tahun 2030.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian ini mengalu-alukan dan menyambut baik hasrat dan usaha Kerajaan Negeri Sabah yang mensasarkan sumbangan industri terhadap Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) daripada 7.2% pada tahun 2017 kepada 35% menjelang tahun 2030.

2. Bagi mencapai sasaran ini, kerjasama semua pihak sama ada di pihak Kerajaan atau swasta adalah amat penting. Di pihak Kerajaan, jalinan kerjasama erat di antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri, terutamanya dalam pelaksanaan pelbagai program pembangunan ekonomi yang dirancang oleh kedua-dua pihak amat diperlukan bagi memastikan kesinambungan dan kejayaan program-program ini dan seterusnya menyumbang ke arah pembangunan industri di negeri Sabah.

Tuan Yang di-Pertua,

3. Untuk makluman, Kementerian sentiasa aktif dalam menganjurkan program-program promosi pelaburan ke seluruh negara termasuk menumpukan kepada kelebihan dan potensi di sesuatu kawasan termasuklah di negeri Sabah. Kementerian melalui Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) telah dan akan menjalankan program penggalakkan pelaburan di Sabah pada tahun 2019 seperti berikut:

- (i) menganjurkan Seminar Penggalakan Pelaburan Tempatan (*Domestic Investment Seminar*) di Kota Kinabalu pada suku keempat untuk:
  - (a) memberi pendedahan kepada syarikat-syarikat di Sabah mengenai polisi semasa, galakan dan kemudahan-kemudahan yang disediakan oleh Kerajaan;
  - (b) menyediakan platform, dengan izin, '*networking*' di antara para peserta dengan agensi-agensinya kerajaan yang berkaitan; dan
  - (c) menyediakan peluang kepada para peserta untuk berbincang dan bertukar-tukar pendapat mengenai potensi perniagaan.
- (ii) bekerjasama dan membantu dalam penganjuran *Sabah Oil and Gas Conference and Exhibition* di Kota Kinabalu (10-11 Julai 2019);
- (iii) mengadakan perbincangan dengan syarikat-syarikat tempatan yang berpotensi untuk projek pembesaran dan/atau projek pelbagaian (*diversification*) di dalam sektor makanan, teknologi hijau, kimia, mesin, pelancongan dan pendidikan; dan
- (iv) menyediakan platform '*SME Investment Desk*' untuk membantu dan memberi nasihat kepada pengusaha Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) mengenai inisiatif

dan fasiliti serta kemudahan yang disediakan oleh Kerajaan bagi meningkatkan keupayaan dan produktiviti mereka.

4. *Malaysian Industrial Development Finance Berhad* (MIDF) iaitu sebuah agensi di bawah Kementerian juga turut memberi sokongan kepada syarikat tempatan di Sabah untuk terus berdaya saing dalam menyumbang kepada ekonomi negeri termasuk dalam sektor industri, melalui skim pembiayaan bagi pengusaha-pengusaha industri kecil dan sederhana. Dalam suku tahun pertama tahun 2019, MIDF telah meluluskan pinjaman bernilai RM790.3 juta membabitkan 774 syarikat di Sabah.

Tuan Yang di-Pertua,

5. Selain daripada usaha-usaha oleh Kerajaan Persekutuan, Kementerian mengambil maklum dan mengalu-alukan inisiatif-inisiatif yang giat dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Sabah bagi membangunkan industri di Sabah. Ini termasuklah:

- (i) membangunkan Taman Perindustrian Kota Kinabalu (*Kota Kinabalu Industrial Park - KKIP*) yang menyediakan ruang bagi meningkatkan kemajuan sektor aeroangkasa dan automotif;
- (ii) menjadikan Lahad Datu sebagai, dengan izin, *Tender Point* untuk penghantaran pasaran hadapan minyak sawit Malaysia oleh Asia Pacific Exchange Pte. Ltd. (APEX) agar industri sawit dan aktiviti hiliran dapat berkembang pesat;
- (iii) membangunkan hub logistik perkapalan Kelompok Industri Minyak Sawit (*Palm Oil Industrial Cluster - POIC*) di laluan Lahad Datu - Lombok - Makasar bagi memudahcara aktiviti perdagangan produk-produk perkilangan;
- (iv) memperhebatkan promosi menarik pelaburan termasuk dalam industri berasaskan minyak dan gas di Taman Perindustrian Minyak dan Gas Sabah (*Sipitang Oil and Gas Industrial Park - SOGIP*); dan

- (v) mempergiatkan lagi pembangunan Pelabuhan Kontena Teluk Sepanggar sebagai hab transhipmen di Malaysia Timur untuk menggalakkan perdagangan dan mengurangkan kos menjalankan perniagaan di Sabah.

Tuan Yang di-Pertua,

6. Untuk makluman, bagi tempoh Januari hingga Mac 2019 sahaja, jumlah pelaburan yang diluluskan dalam sektor perkilangan bagi negeri Sabah adalah sebanyak RM654 juta. Jumlah pelaburan meningkat dengan ketara berbanding dengan RM43 juta pelaburan yang diluluskan dalam tempoh sama bagi tahun 2018, mahupun jumlah pelaburan yang diluluskan sepanjang tahun 2018 bagi negeri Sabah sebanyak RM227.3 juta. Antara industri yang telah memberi sumbangan yang signifikan bagi peningkatan ketara ini adalah industri gas asli.

7. Prestasi yang memberansangkan ini diharap akan dapat menjadi pemangkin kepada pembangunan industri yang lebih pesat di negeri Sabah. Justeru, pihak Kerajaan Negeri termasuk pihak berkuasa tempatan disaran agar meningkatkan usaha bagi memudahcara pelaksanaan projek-projek pelaburan ini.

Tuan Yang di-Pertua,

8. Kementerian melalui pejabat MITI dan MIDA di Sabah juga sentiasa bersedia membantu bagi memastikan projek-projek ini berjaya dilaksanakan dengan segera dan seterusnya meningkatkan sumbangan industri terhadap KDNK negeri Sabah. Kesyinambungan dalam kerjasama di antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Sabah amat penting dan dialu-alukan supaya setiap pelaksanaan projek pelaburan dapat dimudahcara dan dilaksanakan dengan jayanya.

Sekian, terima kasih.